



INSTITUTE FOR  
YOUTH RESEARCH  
MALAYSIA

Institut  
Penyelidikan  
Pembangunan  
Belia  
Malaysia

# BULETIN Fakta

Edisi 4/2014 • ISSN 2180-4044 • www.ippbm.gov.my

## ASPIRASI KEPIMPINAN BELIA

Oleh: Norshafawati Abd. Azimi

**B**elia merupakan generasi pemimpin Negara pada masa kini yang akan menentukan kelangsungan negara dan bangsa pada masa hadapan. Golongan aristokrat turut berpendapat sekiranya mahu melihat kemajuan sesebuah bangsa itu maka lihatlah generasi mudanya. Dalam mempersiapkan Malaysia sebagai sebuah negara maju menjelang tahun 2020, Kementerian Belia dan Sukan telah mula menyemak semula Dasar Pembangunan Belia Negara (1997) dan telah bersedia untuk meminda takrifan belia dengan menghadkan umur kepada 15-30 tahun.

Salah satu faktor yang mendasari penetapan had umur belia ini adalah belia sebagai kesinambungan kepimpinan masa hadapan negara. Perubahan takrifan umur belia ini adalah untuk memberi peluang kepada pertubuhan belia di Malaysia dalam

melahirkan pemimpin-pemimpin muda yang memahami isu belia dan masyarakat serta seterusnya menjadi pelapis kepimpinan negara. Pemimpin seharusnya mempunyai keupayaan untuk memimpin, visi, komitmen dan mampu menjiwai serta membawa perubahan kepada golongan yang dipimpinya.

Selain itu, elemen Kepimpinan dan Kenegaraan juga telah menjadi salah satu elemen yang diketengahkan menerusi Bidang Keutamaan Belia dalam Dasar Belia Malaysia. Belia pada masa kini secara realitinya lebih bersifat terbuka, berfikiran kreatif, berinovatif, berani dan penuh dengan idealisme. Justeru, dengan adanya elemen kepimpinan dan kenegaraan yang diketengahkan menerusi Dasar Belia Malaysia ini, belia-belia akan dapat menyerlahkan potensi kepimpinan yang unggul dan bersifat matang. Ini juga bersesuaian dengan peranan utama yang dimainkan oleh belia sebagai agen untuk perubahan, penerima inovasi teknologi dan penggerak yang memacu pembangunan negara.

Antara Bidang Keutamaan Belia lain yang turut diketengahkan dalam Dasar Belia Malaysia adalah Pendidikan dan Latihan Kemahiran, Jati Diri, Gaya Hidup Aktif dan Sejahtera, Kesukarelaan dan Masyarakat Sivil, Kerjaya dan Keusahawanan, Penyelidikan dan Inovasi, Khidmat Kerja Belia, dan Pengiktirafan. Setiap Bidang Keutamaan Belia ini mengandungi elemen-elemen yang akan membantu memenuhi keperluan pembangunan modal insan belia dan penyerlahan bakat agar belia berkeupayaan untuk memberi sumbangan di semua peringkat kehidupan.

Seterusnya, menurut statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2014, seramai 9.1 juta atau 30 peratus dari penduduk di Malaysia adalah belia yang berumur 15-30 tahun. Peratusan populasi yang lebih kecil ini akan membolehkan objektif penganjuran program belia oleh kerajaan dapat difokuskan serta dijamin keberkesanannya termasuk program-program yang bercorak kepimpinan. Dalam Dasar Belia Malaysia juga, beberapa Kumpulan Sasaran Belia telah dikenalpasti untuk diberikan tumpuan bagi pelaksanaan program-program belia. Pelaksanaan program yang bersesuaian terhadap kumpulan sasaran belia yang tepat akan turut membantu menjamin keberkesanan program tersebut.

Justeru, menerusi Dasar Belia Malaysia, pemimpin belia yang memiliki keperibadian yang utuh serta mempunyai visi dalam kepimpinannya akan dapat dibentuk melalui program-program yang dilaksanakan.



“Tugas kita bukanlah untuk berhasil. Tugas kita adalah untuk mencuba, kerana di dalam mencuba itulah kita menemukan dan belajar membangunkan kesempatan untuk berhasil...”

Haji Abdul Malik Karim Amrullah (Pak Hamka)

“Generasi harapan bangsa dan negara” amat sinonim dengan golongan belia. Mereka adalah pewaris kepimpinan negara dan tunjang pembangunan dalam merealisasikan matlamat sesebuah negara. Belia adalah aset yang penting dalam proses membina sesebuah negara bangsa yang berkepimpinan tinggi.

Mengimbas kembali zaman kegemilangan tamadun Islam dan tokoh-tokoh muda yang lahir dizaman tersebut, majoriti pemimpin adalah dipelopori oleh golongan belia. Antaranya ialah Usama bin Zaid yang merupakan seorang Panglima Perang yang menentang kerajaan Rom di Syam ketika beliau berusia 18 tahun. Manakala, semasa perkembangan Islam di Makkah sehingga ke Madinah, golongan muda seperti Saidina Ali Ibni Abi Talib, Saidina Uthman bin Affan, Abdul Rahman bin Auf dan ramai lagi sahabat Rasulullah S.A.W yang muda belia menjadi pelopor kepada kebangkitan dan penggerak utama dalam menyebarkan agama Islam.

Bersediakah belia hari ini untuk menggalas kepimpinan di usia muda? Adakah melalui pelbagai program dan inisiatif yang diperkenalkan oleh kerajaan mampu membentuk sebuah kepimpinan belia yang unggul? Persoalan mengenai kesediaan belia Malaysia untuk mengisi kerusi kepimpinan sebagai kesinambungan fakta kepimpinan pilihan belia hari ini sedang dilihat amat berkait rapat dengan transformasi pembangunan belia yang antara lainnya mengunjurkan penurunan takrifan umur belia daripada 40 tahun kepada 30 tahun. Sehubungan itu, IYRES turut terlibat merungkai persoalan tersebut melalui pendekatan kajian yang sedang berjalan secara *Focus Group Discussion* dalam kalangan pemegang taruh belia yang berperanan melaksanakan program pembangunan belia.

Pada terbitan Buletin Fakta edisi 4, terbitan IYRES mengetengahkan tema “Aspirasi Kepimpinan Belia”. Bertepatan pada Kementerian Belia

dan Sukan sedang melaksanakan pilihan raya belia bagi merealisasikan projek pendidikan unggul kepimpinan dalam sejarah Malaysia. Parlimen Belia perlu disambut oleh golongan belia Malaysia sebagai satu peluang keemasan untuk terlibat dalam satu proses menyediakan mereka sebagai pemimpin masa hadapan yang penuh sedar dan tahu bagaimana sesuatu proses membuat keputusan dilaksanakan.

Aspirasi Kepimpinan Belia turut diserikan oleh peneraju utama Kementerian Belia dan Sukan YB Khairy Jamaluddin. Menerusi wawancara ini IYRES bersama YB menyelami hati Yang Berhormat Menteri dan dapat menyelami strategi mendekati belia dan inisiatif program di bawah naungan Kementerian Belia dan Sukan untuk para pembaca. Buletin Fakta merasa bertuah dapat berkongsi pandangan peribadi dan aspirasi YB serta tip yang turut dikongsi untuk dimanfaatkan bukan sahaja oleh belia tetapi kepada semua pihak yang terlibat dalam urus tadbir serta rakan kongsi yang terlibat dalam agenda pembangunan belia.

Saya percaya pengisian edisi pada kali ini akan memberi input penting malah menjadi aspirasi kepada kita semua hala tuju yang jelas mengenai kepentingan kepimpinan sebagai satu kemahiran yang perlu dituntut dan diasah. Ayuh kita membuka ruangan fikiran dan menjamah santapan minda dengan terbitan kali ini! Selamat datang 2015 yang penuh cabaran. Salam Transformasi belia.



**Dr. Wasitah Hj Mohd Yusof**

Ketua Pegawai Eksekutif  
Institut Penyelidikan Pembangunan  
Belia Malaysia (IYRES)

[drwasitah@ippbm.gov.my](mailto:drwasitah@ippbm.gov.my)



## SIDANG REDAKSI

### PENAUNG

YB. Encik Khairy Jamaluddin  
Menteri Belia dan Sukan Malaysia

### PENASIHAT

Dr. Wasitah Hj. Mohd Yusof  
Ketua Pegawai Eksekutif IYRES

### KETUA PENGARANG

Hj. Zakariah Md. Sam

### KETUA EDITOR

Siti Khadijah Hassan

### SIDANG PENGARANG

Shahhanim Yahya  
Mastura Mohamad  
Shariffah Mamat  
Mohd Rizal Mohd Sham  
Mohd Saiful Nizam Mohd Zahri  
Noor Affah Johari  
Norati'qah Talib  
Norshafawati Abd Azimi  
Nuurul Mizaan Ya'cob  
Shah Romnizam Ramli

### PUBLISITI

Nur Aqilah Syazwani Mohd Nor  
Ariffin Abdul Rahman

Sila hantarkan sebarang komen dan pertanyaan anda kepada

[info@ippbm.gov.my](mailto:info@ippbm.gov.my)

# KAJIAN JEJAK KEPIMPINAN RAKAN MUDA

Oleh: Noratiqah Talib

Program Rakan Muda (PRM) telah dilaksanakan bermula dari tahun 1994 sebagai satu rentetan daripada hasil penemuan kajian Tingkahlaku Lepak Di Kalangan Remaja. PRM dirancang bagi mengatasi masalah lepak dan masalah sosial yang timbul dalam kalangan remaja untuk mengisi masa senggang dan mensasarkan kategori umur belia daripada 15 hingga 25 tahun yang berada di seluruh Malaysia.

Penjenamaan Rakan Muda pada tahun 2007 melalui beberapa pendekatan baharu bersesuaian dengan keadaan dan keperluan semasa di mana golongan remaja lebih terdedah kepada cabaran globalisasi dan arus pembangunan negara yang pesat (Pelan Tindakan Pelaksanaan Program Rakan Muda). Banyak aktiviti yang berbentuk kepimpinan dan kesukarelaan telah dianjurkan oleh PRM yang secara tidak langsung telah berjaya melahirkan pemimpin belia yang berkualiti.

Bagi membuktikan kejayaan PRM dalam melahirkan pemimpin belia, satu kajian bagi menjejaki kepimpinan bekas peserta Rakan Muda dirancang dan kini sedang dilaksanakan oleh IYRES. Kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk menilai keberkesanan elemen kepimpinan yang diterapkan kepada peserta Rakan Muda serta mengenal pasti peranan dan sumbangan bekas peserta Rakan Muda ini kini.

Kajian ini juga merupakan susulan daripada kajian terdahulu iaitu Kajian Ke atas Program Rakan Muda (2010) yang menunjukkan impak positif yang telah dihasilkan oleh Rakan Muda. Selain itu, ia juga rentetan daripada maklum balas positif dan potensi Program Rakan Muda yang telah dibangkitkan oleh peringkat tertinggi KBS iaitu YB. Encik Khairy Jamaluddin, Menteri Belia dan Sukan.

Kajian ini dijalankan secara berperingkat dan pada peringkat pertama IYRES menggunakan kaedah penyelidikan kuantitatif iaitu dengan membuat survei melalui panggilan telefon kepada semua bekas peserta Rakan Muda daripada tahun 2007 hingga kini. Kajian peringkat pertama ini mengambil masa selama 6 bulan untuk dilaksanakan bermula dari Jun hingga Disember 2014. Pada peringkat kedua pula, kajian ini akan diperluaskan lagi dengan menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif iaitu mendapatkan maklumat lanjut bagi menyokong dapatan pada peringkat pertama melalui proses temu bual secara mendalam (*in-depth interview*).



Secara kesimpulannya, melalui dapatan kajian ini, diharap dapat membuktikan bahawa belia yang berumur antara 15 hingga 25 tahun mempunyai keupayaan untuk memimpin dan seterusnya ia secara tidak langsung mampu menjadi fakta penting kepada pihak Kementerian dalam menggubal takrifan umur belia di dalam Dasar Belia Malaysia iaitu daripada 15 hingga 40 tahun kepada 15 hingga 30 tahun seperti yang diaspirasikan oleh YB. Menteri. Hasil dapatan juga dapat membantu pihak Kementerian terutama Bahagian Pembangunan Rakan Muda untuk melihat impak dan keberkesanan Program Rakan Muda dalam melahirkan pelapis kepimpinan Negara.

# YB. KHAIRY JAMALUDDIN

Yang Berhormat En. Khairy Jamaluddin merupakan Menteri Belia dan Sukan sejak 16 Mei 2013 yang lalu. Beliau dilihat sebagai personaliti yang sangat penting dalam menerajui usaha negara kita dalam melahirkan generasi muda yang berkepimpinan. Buletin Fakta edisi 4 pada tahun ini berkesempatan mengadakan sesi temu bual bersama Yang Berhormat En. Khairy Jamaluddin di pejabat beliau. Sesi temu bual yang dilaksanakan oleh Yang Berusaha Dr. Wasitah, Ketua Pegawai Eksekutif IYRES bertujuan meninjau pandangan peribadi Yang Berhormat mengenai kepimpinan dalam kalangan belia.

**Dr. Wasitah**

Apa khabar Yang Berhormat?

**YB. Khairy Jamaluddin**

Baik. Alhamdulillah.

**W** Soalan yang saya ajukan kepada Yang Berhormat ini, merujuk kepada pandangan peribadi Yang Berhormat. Pada pandangan Yang Berhormat adakah kerajaan meyakini golongan belia hari ini mampu menerajui kepimpinan negara pada masa hadapan?

**KJ** Selama beberapa tahun yang lepas pendekatan yang kita telah ambil untuk memberi lebih banyak lagi ruang kepada belia negara dan secara langsung itu bermakna kita telah mengiktiraf kebolehan mereka untuk mencorak masa hadapan. Falsafah belia untuk belia di Kementerian Belia dan Sukan bermaksud kita ingin memberi lebih banyak ruang dan kepercayaan kepada mereka di samping kita memperkasakan mereka untuk menentukan program-program dalam konteks pembangunan belia.

**W** Apakah inisiatif dan program kepimpinan belia yang telah kerajaan khususnya KBS yang telah dan sedang laksanakan?

**KJ** Program Parlimen Belia dan Felo Perdana merupakan pentas yang baru bagi saya akan melahirkan barisan pelapis sekiranya dibimbing mampu melahirkan pemimpin yang berkualiti tinggi untuk masa akan datang. Dasar Belia Malaysia yang akan dibentangkan pada tahun hadapan juga menyentuh takrifan umur belia 15-40 tahun akan diturunkan kepada 15-30 tahun sahaja. Sekaligus mempercepatkan proses keremajaan terutamanya kepimpinan.

**W** Seperti yang Yang Berhormat sedia maklum, terdapat pelbagai inisiatif dan program-program yang dilaksanakan oleh kerajaan untuk meningkatkan tahap kepimpinan belia hari ini. Pada pandangan Yang Berhormat, adakah platform yang disediakan ini mampu melahirkan pemimpin belia yang berilmu, berwawasan dan berintegriti?

**KJ** Program yang saya sebutkan tadi hanyalah sedikit. Kita turut mengadakan banyak sesi-sesi dan forum-forum intelektual melalui IYRES dan agensi-agensinya di bawah KBS. Saya amat menitikberatkan forum-forum intelektual bagi membangunkan pemikiran belia agar mereka dibekalkan dengan fakta dan ilmu. Untuk menjadi belia yang berwawasan, sebagai belia mereka mestilah berfikir futuristik dalam perancangan. Saya sering maklumkan kepada anak muda agar mereka melihat 15-20 tahun akan datang apa keperluan negara. Berwawasan ini bukanlah hanya untuk diri sendiri tetapi untuk negara. Bagi melahirkan anak-anak muda yang berintegriti kita turut mengadakan program bersama SPRM. Selain itu belia perlu menjadi jurucakap berkenaan ketirisan dan penyelewengan agar menjadi amalan dan budaya daripada usia belia lagi.





**W** Bilangan belia di Malaysia ialah 13.67 juta orang, akan tetapi kebanyakan program kepimpinan yang dilaksanakan hanya melibatkan sejumlah kecil belia. Apakah cadangan Yang Berhormat bagi memastikan program-program kepimpinan ini dapat melibatkan lebih ramai belia dan menyeluruh ke seluruh negara?

**KJ** Antara usaha yang dijalankan adalah kita transformasikan Rakan Muda agar kita dapat lebih ramai belia dapat tampil hadapan. Kita turut menganjurkan Festival Belia yang lebih terbuka agar kita dapat mendekati golongan belia lebih menyeluruh.

**W** Sebagai menteri muda yang menjaga belia, Yang Berhormat sendiri merupakan produk kepimpinan muda yang dibangga oleh Malaysia, apakah harapan Yang Berhormat kepada persekitaran kepimpinan yang wujud di Kementerian Belia dan Sukan bagi memastikan tugas menggalas tanggungjawab membangunkan belia dapat dilaksanakan dengan lancar.

**KJ** Peremajaan, iaitu peremajaan dari segi minda, gaya dan pendekatan agar kita memahami cabaran, harapan dan aspirasi orang muda. Seluruh KBS mestilah melalui peremajaan tersebut.



**W** Apakah tips Yang Berhormat ingin kongsi kepada golongan belia diluar sana bagi mempersiapkan diri mereka sebagai seorang pemimpin belia di pelbagai peringkat?

**KJ** Tips yang penting adalah exposure, iaitu pendedahan. Saya rasa kalau mereka jadi belia yang lebih expose pada apa yang sedang berlaku mereka akan jadi berilmu, mereka akan lebih berwawasan dan berintegriti.

**W** Mantap. Terima kasih Yang Berhormat, saya rasa apa yang disampaikan oleh YB adalah mencakupi semua elemen bagi persekitaran kepimpinan yang disarankan. Terutamanya supaya KBS lebih gemilang pada tahun 2015. Bagi pihak Buletin Fakta dan IYRES sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih.



# TRANSISI USIA BELIA: RASIONAL DAN PERSEDIAAN GENERASI MUDA


Oleh: Mohd Rizal Mohd Sham



Jam Populasi Jabatan perangkaan Negara menunjukkan pada 04 November 2014 penduduk Malaysia 30,332,995 orang. Ini bermakna Malaysia memasuki era baru di mana populasi penduduknya melebihi 30 juta orang. Daripada jumlah tersebut, 13.3 juta atau 44 peratus penduduk Malaysia berusia 15 hingga 39 tahun dan mereka tergolong dalam kategori usia "Belia" mengikut tafsiran "Belia" dalam Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 (Akta 668).

Tahun 2014 juga menyaksikan Dasar Belia Negara disemak semula dengan tujuan menzahirkan beberapa prinsip yang akan menjadi teras dalam pembangunan belia. Prinsip "Belia sebagai Sumber Aset" dan prinsip "Dari Belia untuk Belia" akan menjadi teras Pembangunan Belia Positif yang merentasi pelaksana dan generasi yang akhirnya dapat menterjemahkan hasrat Dasar Belia Negara yang akan memperkukuhkan dan menyerlahkan potensi modal insan belia sebagai pemacu pembangunan strategik negara masa depan berpaksikan perlembagaan negara dan Rukun negara.

Dalam memastikan Dasar Belia Negara mencapai sasarannya dengan berkesan, maka fokus kepada sesuatu kumpulan sasar yang homogeneous sangat diperlukan. Semakin seragam profil kumpulan sasaran maka semakin tepatlah perancangan dan pelaksanaan sesuatu dasar. Semakin kecil kumpulan sasaran yang menjadi fokus, maka semakin berkesanlah impak sesuatu dasar. Malaysia yang bakal menjadi negara maju pada tahun 2020 seharusnya mencontohi kumpulan negara-negara maju seperti Korea, United Kingdom, Kanada, New Zealand, Australia dan Singapura yang mentafsirkan belia sebagai kumpulan penduduk yang berusia antara 9 hingga 25 tahun. Manakala negara-negara yang sedang membangun seperti Indonesia, Brunei, Pakistan, Republik Rakyat China, Thailand, Vietnam dan Filipina juga mentafsirkan belia sebagai penduduk yang berusia antara 14 hingga 30 tahun.



Berdasarkan kepada statistik di atas, maka adalah lebih fokus jika tafsiran usia belia di Malaysia dikaji semula dengan meletakkan hanya penduduk Malaysia yang berusia antara 15 hingga 30 tahun yang dikenal sebagai Generasi Belia. Kelompok generasi hampir seusia yang bersifat hampir seragam dan homogenous sama ada yang masih menuntut atau di alam awal pekerjaan membolehkan Kementerian Belia dan Sukan merangka pelbagai program yang khusus memenuhi kehendak generasi belia. Latihan berbentuk kepimpinan, pengurusan persatuan, pengurusan kewangan dan pengurusan acara secara tidak langsung akan melatih generasi muda untuk mengambil alih kepimpinan persatuan persatuan belia yang didaftarkan di bawah Pendaftar Persatuan Belia.

Oleh yang demikian, beberapa platform yang tersedia perlu digunakan oleh pemegang taruh yang majoritinya generasi belia untuk membahaskan secara rasional mengenai usia belia yang sesuai untuk menjadi fokus kepada pembangunan belia positif di bawah dasar belia yang baru. Parlimen Belia bakal bersidang. 102 anggota Ahli Parlimen Belia telah diberi kepercayaan oleh generasi belia dari negeri mereka untuk mewakili mereka. Seharusnya platform yang sedemikian digunakan secara maksimum untuk membahaskan betapa perlunya Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 perlu dipinda bagi memberi penekanan kepada usia penduduk yang boleh dikategorikan sebagai Belia. Sesi Parlimen Belia yang bakal bersidang akan dilihat sebagai arena terbaik dalam membahaskan isu-isu berkaitan belia sebagai pihak yang berkepentingan atau pemegang taruh.

Semoga generasi belia di Malaysia akan dilihat sebagai generasi muda yang lebih matang dan bersedia untuk melahirkan pemimpin pemimpin mudah sama ada dalam arena kepimpinan persatuan, NGO seterusnya mewarisi kepimpinan negara dalam usia yang lebih muda.



# MEMBANGUN PROGRAM TRANSFORMASI BELIA NEGARA: BAJET 2015

Oleh: Mohd Rizal Mohd Sham

“ Belia bukan sekadar harapan bangsa, tidak hanya setakat asset atau rakan kongsi kepada pembangunan negara, malah nilai belia adalah lebih daripada kesemuanya itu ”

*Datuk Seri Najib Tun Razak*

## PELAN TRANSFORMASI BELIA NEGARA

Sebanyak 320 juta ringgit telah diperuntukan oleh kerajaan untuk tujuan berikut:

- Mengkaji Semula Program Latihan Khidmat Negara atau PLKN dan satu konsep baharu yang menjalinkan keperluan kemahiran dan kenegaraan.
- Menambah baik Program Rakan Muda dan memperkenalkan Program Kem Uniti
- Mengukuhkan aspek kepimpinan belia melalui pengenalan Program Akademik Belia untuk mengasah bakat kepimpinan dalam kalangan belia Malaysia.
- Mempergiatkan Program kesukarelawan belia melalui 1M4U dan memperkenalkan Program MyCorp. Sebanyak 10 Juta ringgit akan diperuntukan bagi tujuan tersebut bagi menjalankan aktiviti sukarela kebajikan dan sosio ekonomi di peringkat antarabangsa.
- Menggilap bakat keusahawanan dalam kalangan belia melalui Program MaGIC, SME Bank, dan Agro Bank serta memperkenalkan Online Resource Centre dan menganjur persidangan keusahawanan sosial antarabangsa.
- Melaksanakan Program Agropreneur Muda oleh FAMA yang melibatkan 1,200 belia dengan sasaran pendapatan melebihi 5,000 ringgit sebulan.
- Meningkatkan keupayaan dan kemahiran belia melalui Program Transformasi IKBN dan Program Coding Bootcamp serta Program Projek Angkat Dan Upaya atau PADU.

## 1MALAYSIA YOUTH CITY

- Menyediakan satu ekosistem komprehensif yang disertai oleh belia untuk meningkatkan keupayaan dan memajukan diri dalam pekerjaan dan keusahawanan serta menikmati kemudahan perumahan dan rekreasi.
- Sebanyak 100 juta ringgit telah diperuntukan bagi membiayai tiga projek perintis di Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

## SKIM PERUMAHAN BELIA ATAU YOUTH HOUSING SCHEME

- Skim Perumahan Belia atau Youth Housing Scheme secara perkongsian pintar antara kerajaan, Bank Simpanan Nasional, kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Cagamas.
- Menawarkan pemilikan rumah pertama yang bernilai tidak melebihi 500 ribu ringgit.
- Subsidi kerajaan RM200 sebulan untuk belia bayat ansuran rumah bagi tempoh 2 tahun pertama.
- Khusus kepada belia berkahwin yang berumur di antara 25 hingga 40 tahun.
- Mempunyai pendapatan isi rumah tidak melebihi 10 ribu ringgit.
- Tempoh pembiayaan maksimum 35 tahun.
- Pengecualian sebanyak 50% duti setem ke atas surat pindah milik dan perjanjian pinjaman.

# RESOLUSI BELIA SEKTOR INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI (IPT) MENGENAI PELAKSANAAN GST

Oleh: Mohd Saiful Nizam Mohd Zahri

**NILAI, 8 Oktober 2014** – Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) telah bekerjasama dengan kerjasama Jabatan Pengajian Tinggi (JPT), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Majlis Profesor Negara (MPN) dalam mendekati golongan mahasiswa melalui Program Training Of Trainers Berkaitan Ekonomi Malaysia: Transformasi Dan Cabaran Untuk Pelajar Dan Warga Belia di Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi (AKEPT) pada 7 dan 8 Oktober 2014 bertujuan mendapatkan pandangan dan suara belia IPT serta turut berhujah mengenai pelaksanaan GST.

Program yang berlangsung selama dua hari itu telah memberi pendedahan kepada mahasiswa dan warga belia tentang Transformasi Ekonomi Malaysia dan Cukai Barang Dan Perkhidmatan (GST). Taklimat Transformasi Ekonomi Malaysia disampaikan oleh YBhg Datuk Prof. Dr. Noor Azlan Bin Ghazali, Naib Canselor, Universiti Kebangsaan Malaysia sementara taklimat dan penerangan GST disampaikan oleh YBhg Prof. Dr. Asan Ali Bin Golam Hassan, Pengurus Projek GST Communication Plan, JPT, KPM.

Seramai 150 orang mahasiswa yang terdiri daripada IPTA, IPTS, Politeknik dan Kolej Komuniti dari seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak serta 30 orang belia telah terlibat dalam program ini. Mereka telah menyumbangkan pandangan dan idea berkaitan Ekonomi dan GST dari perspektif belia IPT.

Majlis Penyerahan Resolusi telah disempurnakan dengan penyerahan resolusi dari wakil belia IPT Saudara Muhammad Fikri Ahmad kepada YBhg. Dato' Azhar Mohamed Isa, Timbalan Ketua Setiausaha (Antarabangsa & Pengurusan), KBS.

Antara resolusi oleh belia IPT meliputi:

- 1) Warga Belia dan Mahasiswa berpendirian supaya KPDKK serta agensi-agensy yang berkaitan dapat memastikan harga barang sentiasa dipantau.
- 2) Warga Belia dan Mahasiswa menyarankan agar subjek percukaian diselaraskan dan dimasukkan di dalam kursus keusahawanan di seluruh institusi pendidikan negara.
- 3) Warga Belia dan Mahasiswa berpendirian agar pihak Kerajaan dapat mempelbagaikan saluran dalam mendidik masyarakat berkenaan pelaksanaan GST mengikut pelbagai bentuk seperti memaksimumkan penggunaan di dalam media sosial, menerbitkan filem pendek dan menggalakkan guru-guru memainkan peranan sebagai agen penyebaran maklumat mengenai GST.
- 4) Warga Belia dan Mahasiswa menegaskan supaya pihak Kerajaan dapat menyediakan senarai yang lengkap terhadap barangan yang tidak dikenakan GST.
- 5) Warga Belia dan Mahasiswa menyarankan supaya pihak berwajib dapat melabelkan khususnya produk-produk barangan yang dikenakan GST.

## Ulasan Buku

Ulasan Oleh: Nuurul Mizaan Ya'cob

**Tajuk** : Membina Kemahiran Kepimpinan Ada  
**Penulis** : John Adair  
**Penerbit** : ITBM  
**Tahun** : 2009

Kemahiran kepimpinan ialah kunci pengurusan. Pengurus yang cekap juga merupakan seorang pemimpin yang cekap. Bagaimanakah untuk menjadi pemimpin seperti ini? Membina Kemahiran Kepimpinan Anda dapat memberikan jawapannya.

Buku yang lengkap dengan panduan mudah dan praktikal ini amat sesuai untuk mereka yang bakal menjadi pemimpin, malah merupakan pilihan yang tepat bagi meningkatkan kemahiran asas dalam kepimpinan. Antara yang difokuskan dalam buku ini adalah asas untuk menjadi pemimpin yang berkesan seperti:

- sifat penting kepimpinan
- cara mendapatkan kuasa peribadi
- peranan anda sebagai pemimpin
- kemahiran penting seperti merancang, memberikan taklimat, mengawal, menilai, memotivasi dan mengurus



Edited by: Shahhanim Yahya

**Title** : Being The Boss (The 3 Imperatives for Becoming a Great Leader)  
**Author** : Linda A.Hill, Kent Lineback & Carl Fertman  
**Publisher** : Harvard Business Review Press  
**Year** : 2011

*Being The Boss provide this crucial understanding. At its heart are the three imperatives – manage yourself, manage your network, manage your team – that capture the essentials of being a great boss in today's changing organizations. To master the imperatives, we need to assess ourselves constantly.*

*In this book, the authors show us how to measure ourselves against what's required. At the end, we will clearly understand our strengths, where we need to make progress, and how to move forward. Whether we are new or experienced, Being The Boss will serve as our essential guide in determining where we are on our journey to become the great boss we need to be for our firm, our people and ourselves.*

